



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

TEKS UCAPAN
YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

SEMPENA
MAJLIS PELANCARAN PROJEK RINTIS
PEMBAYARAN BANTUAN BULANAN JABATAN KEBAJIKAN
MASYARAKAT (JKM) SECARA TANPA TUNAI (*CASHLESS*)
DENGAN KERJASAMA BANK ISLAM MALAYSIA BERHAD (BIMB)

LOKASI / TARIKH / MASA
HOTEL PUTRA REGENCY, KANGAR PERLIS /
9 APRIL 2021 (JUMAAT) / 3.00 PETANG

(A) PENDAHULUAN

بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِیْمِ
السَّلَامُ عَلَیْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Mengadap,

**Duli Yang Teramat Mulia Raja Puan Muda Perlis,
Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil,**

**Lebah Bukan Sebarang Lebah,
Lebah Bersarang Di Dahan Sena;
Sembah Bukan Sebarang Sembah,
Sembah Patik Memulakan Bicara.**

Ampun Tuanku beribu ampun,
Sembah patik pohon diampun.

1. Pertamanya, izinkan patik menyembahkan ucapan setinggi-tinggi Junjungan Kasih ke hadapan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku atas limpah perkenan mencemar duli berangkat ke **Majlis Pelancaran Projek Rintis Pembayaran Bantuan Bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat Secara Tanpa Tunai yakni “Cashless” Dengan Kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad** pada petang Jumaat yang penuh barakah ini.

2. Sesungguhnya patik dan rombongan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amatlah terharu dengan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku pada petang ini, bak bait-bait kata orang lama

“Tiada kata seindah bahasa, tiada bahasa seindah bicara” yang mampu patik persembahkan bagi menggambarkan betapa gembiranya hati ini menerima keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku petang ini.

3. Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku bukan sahaja telah menjadikan majlis perasmian ini bertambah serinya malah memahat sejarah yang cukup bermakna buat patik dan seluruh warga Kementerian. Hati patik bertambahlah terharu; meskipun patik sedia maklum bahawa Duli Yang Teramat Mulia Tuanku mempunyai jadual yang agak ketat, hatta turut menerima persilaan ke majlis lain pada petang ini, namun Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berkenan jua berangkat bercemar duli ke majlis ini. Menjunjung Kasih Tuanku.

**SUTERA SONGKET PANJANG SEMBILAN
PANJANG SUTERA HINGGA KEPALANYA
TUANKU UMPAMA PERMATA INTAN
PATIK MENUMPANG AKAN CAHAYANYA**

Ampun Tuanku Beribu Ampun
Sembah Patik Mohon Diampun.

4. Seterusnya, patik pohon perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku untuk patik menyampaikan ucapan kepada semua tetamu yang hadir.

Ampun Tuanku.

(B) SALUTASI TETAMU JEMPUTAN

YANG AMAT MULIA

SHARIFAH KATHREENA NURANIAH JAMALULLAIL

YANG AMAT MULIA

SHARIFAH FARAH ADRIANA JAMALLULLAIL

YB TUAN RUZAINI BIN RAIS

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam, Kebajikan dan Bantuan Bencana, serta Hubungan dan Kerjasama Sempadan

YB PUAN SITI BERENEE BT YAHAYA

Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri

Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta Perpaduan
Masyarakat,

YANG BERUSAHA DR. MAZIAH BINTI CHE YUSOFF

Ketua Setiausaha

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat

YANG BERUSAHA ENCIK MOHD MUAZZAM MOHAMED

Ketua Pegawai Eksekutif

Bank Islam Malaysia Berhad

YANG BERUSAHA PUAN FATIMAH ZURAIDAH BINTI SALLEH

Timbalan Ketua Pengarah Operasi

Jabatan Kebajikan Masyarakat

(C) KATA-KATA ALUAN

5. Marilah kita bersama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, dapat kita semua hadir ke **“Majlis Pelancaran Projek Rintis Pembayaran Bantuan Bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat Secara Tanpa Tunai Dengan Kerjasama Bank Islam Malaysia Berhad”** pada petang ini.

6. Pada kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih dan Tahniah kepada **Jabatan Kebajikan Masyarakat, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB)** dan agensi lain yang terlibat dalam menjayakan majlis pada petang ini.

7. Majlis pada petang ini merupakan kesinambungan daripada termeterainya **Memorandum of Understanding di antara Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat yang diwakili oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Bank Islam Malaysia Berhad** yang telah ditandatangani pada **13 Ogos 2020 yang lalu**. MoU ini merupakan satu kerjasama strategik bagi **memperkasa program kebajikan sosial berasaskan platform ekonomi digital** dalam mewujudkan masyarakat pintar khususnya kepada klien Jabatan.

(D) PENGENALAN BANTUAN BULANAN JKM

8. **Perkhidmatan bantuan kewangan secara bulanan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat** adalah perkhidmatan yang diberikan kepada **kumpulan sasar Jabatan yang memerlukan bagi meneruskan kelangsungan hidup dengan lebih sempurna.** Bagi melaksanakan perkhidmatan ini, JKM telah memperkenalkan **11 skim bantuan** yang merangkumi hampir semua lapisan masyarakat yang kurang bernasib baik seperti bantuan untuk kanak-kanak, warga emas, OKU dan juga pesakit terlantar .

9. Secara prinsipnya, skim bantuan yang diperkenalkan ini adalah sebagai **alat dalam proses menolong klien ke arah pemulihan, pencegahan,**

pembangunan dan pengintegrasian klien. Antara tujuan dan objektif pemberian bantuan ini adalah:

- i. **Pertama**: Memenuhi **keperluan asas** bagi meringankan beban penerima bantuan;
- ii. **Kedua**: Sebagai **alat sokongan sosial** untuk menilai kemampuan penerima bantuan ke arah berdikari dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan;
- iii. **Ketiga**: Sebagai **Alat pemulihan** agar penerima bantuan terus kekal tinggal bersama komuniti/masyarakat; dan
- iv. **Keempat** :Sebagai **Sumber kewangan sementara** penerima bantuan meneruskan kelangsungan dan kesejahteraan hidup

10. Suka juga saya maklumkan bahawa pelaksanaan bantuan kebajikan adalah selaras dengan **Senarai Bersama (Concurrent List) antara Kerajaan persekutuan dengan Kerajaan Negeri, yang termaktub dalam peruntukan Perlembagaan Persekutuan Malaysia di bawah senarai 3 - jadual kesembilan Senarai Perundangan.** Maka tidak hairanlah agenda kebajikan rakyat sentiasa menjadi **keutamaan antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri** dalam memastikan mereka yang memerlukan mendapat bantuan yang sewajarnya.

(E) REVOLUSI PERKHIDMATAN BANTUAN BULANAN JKM

11. Pemberian **bantuan bulanan JKM telah bermula sebelum negara mencapai kemerdekaan** lagi dengan menggunakan kaedah **bayaran**

secara tunai kepada klien. Kaedah ini memerlukan klien untuk datang ke Pejabat JKM atau pekerja kes perlu pergi berjumpa dengan klien bagi menyerahkan bantuan bulanan tersebut.

12. Selepas itu bermula dari tahun 1990 – 1999 JKM telah menambahbaik kaedah pembayaran dengan menggunakan bayaran secara GIRO iaitu duit bantuan akan dikreditkan ke dalam akaun bank penerima bantuan.

13. Selaras dengan perkembangan teknologi dan peredaran zaman, menjelang tahun 2000 sehingga tahun 2017, JKM telah menambahbaik lagi sekali sistem perkhidmatan bantuan dengan menggunakan kaedah bayaran secara Akaun Transit Bank Simpanan Nasional (BSN) dan Sistem

Perancangan dan Kawalan Belanjawan (eSPKB) yang telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan pada masa itu.

14. Mulai **2018 hingga kini**, kaedah bayaran bantuan bulanan yang digunakan oleh JKM telah ditambah baik dengan menggunakan **Integrated Government Financial & Management System** menggantikan sistem e-S-P-K-B selaras dengan arahan **Jabatan Akauntan Negara dan Kementerian Kewangan**.

15. Pada hari ini satu lagi perubahan dalam penyampaian bantuan apabila Bank Islam sudi berkolaborasi dengan JKM dalam menjayakan **PROJEK RINTIS PEMBAYARAN BANTUAN BULANAN JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT SECARA TANPA TUNAI**.

(F) KENAIKAN KADAR BANTUAN

16. Menerusi Belanjawan 2021, Kerajaan telah mengumumkan **peningkatan kadar bantuan bulanan bagi skim bantuan yang terpilih** kepada kumpulan sasar di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat. Peningkatan kadar ini melibatkan **peruntukan sebanyak RM 2.2 bilion dan telah berkuatkuasa pada bulan Januari 2021 yang lalu. Bantuan yang telah dinaikkan adalah seperti berikut:**

- i. **KADAR BANTUAN OKU TIDAK BERUPAYA BEKERJA** dinaikkan daripada RM250 kepada RM300 dan memberi manfaat kepada 84,000 penerima;

- ii. **KADAR ELAUN PEKERJA OKU** dinaikkan daripada RM400 kepada RM450 dan memberi manfaat kepada 88,000 penerima; dan

- iii. **BANTUAN PENJAGAAN OKU DAN PESAKIT KRONIK TERLANTAR** dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 yang memanfaatkan seramai 27,753 penerima.

- iv. **KADAR BANTUAN WARGA EMAS** turut dinaikkan daripada RM350 kepada RM500 sebulan yang akan memanfaatkan seramai 136,240 penerima.

v. **KADAR BANTUAN KANAK-KANAK KELUARGA MISKIN** daripada RM100 seorang anak dengan maksimum RM450 sekeluarga, **dinaikkan kepada RM150 seorang anak berumur 7 tahun hingga 18 tahun atau RM200 seorang anak berumur 6 tahun dan ke bawah dengan maksimum RM1,000 sekeluarga yang akan memanfaatkan seramai 63,000 penerima.**

17. Tidak cukup dengan kenaikan kadar bantuan bulanan, Kerajaan turut menaikkan **kadar suguhati kepada mereka yang bergiat di peringkat komuniti seperti berikut :**

i. **ELAUN PETUGAS DAN PENYELIA DI PUSAT PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PDK)** yang kali terakhir dikaji pada Tahun 2008 **dinaikkan**

daripada RM800 kepada RM1200 sebulan manakala ELAUN PENYELIA dinaikkan daripada RM1200 kepada RM1500 sebulan. Kenaikan ini akan memanfaatkan 3,500 petugas dan penyelia PDK seluruh negara.

- ii. Kerajaan juga menaikkan bantuan kewangan tahunan bagi **PENGENDALIAN PUSAT AKTIVITI WARGA EMAS (PAWE)** yang dikendalikan oleh NGO daripada RM33,000 kepada RM50,000. Kenaikan ini akan memberi manfaat kepada 150 Buah Pusat Aktiviti Warga Emas di seluruh negara dan 47,000 ahli PAWE.

- vi. **Begitu juga nilai saguhati kepada sukarelawan di bawah Program Khidmat Bantu di Rumah dinaikkan daripada RM150 kepada**

maksimum RM400 dan nilai saguhati kepada klien program turut **dinaikkan daripada RM30 kepada RM80**. Kenaikan ini dijangka memanfaatkan lebih **2,000 sukarelawan** dan lebih **8,000 warga emas** dan OKU.

(G) INISIATIF PENAMBAHBAIKAN PENYAMPAIAN BANTUAN JKM

18. Selain itu, dalam mengadaptasi norma baharu kesan daripada penularan wabak Covid-19, beberapa inisiatif baharu pengurusan Bantuan Kebajikan telah diperkenalkan dalam membantu klien dan masyarakat luar berurusan dengan JKM. Antara langkah yang diambil adalah:

Pertama : Menggalakkan Permohonan Bantuan dibuat secara Atas Talian. Permohonan boleh dibuat secara dalam talian melalui **Sistem Pengurusan Bantuan Jabatan Kebajikan di laman sesawang JKM.**

Permohonan akan terus diproses dan dokumen tambahan hanya diperlukan apabila diminta oleh JKM.

Kedua: Pengecualian Proses Kaji semula. Sepanjang tempoh PKP JKM telah mempermudah proses kaji semula. Semua **penerima bantuan bulanan tidak perlu menghantar borang kaji semula dan hadir ke PKMD untuk siasatan lanjutan.**

Ketiga: Mempercepatkan proses bayaran bantuan bulanan. Menyedari bahawa penerima bantuan merupakan golongan yang sangat terkesan

semasa pandemik COVID-19, JKM telah memutuskan agar bayaran dibuat pada awal bulan dan kaedah tersebut diteruskan sehingga kini.

(H) PROJEK RINTIS BAYARAN BANTUAN JKM TANPA TUNAI (CASHLESS)

19. Hasil beberapa siri perbincangan bersama pihak Bank Islam dan pemegang taruh yang berkaitan, Kementerian melalui JKM telah bersetuju untuk melaksanakan **Projek Rintis Bayaran Bantuan JKM Secara Tanpa Tunai kepada penerima bantuan JKM**. Jabatan berpandangan projek rintis perlu dilaksanakan berdasarkan **keperluan semasa dan perubahan norma baharu** dalam kalangan masyarakat khususnya **aktiviti pembelian dalam talian dan Transaksi Tanpa Tunai (Cashless)** yang semakin meningkat.

20. Kaedah pembelian ini semakin mendapat sambutan daripada isi rumah di Malaysia melalui laporan yang telah dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang menunjukkan **perbelanjaan secara e-dagang atau cashless meningkat daripada 11.3% pada tahun 2016 kepada 23.3% pada tahun 2019** dan semestinya peratusan ini akan bertambah pada tahun mendatang berdasarkan *trend* semasa.

21. Selain itu, dengan **jumlah peruntukan sebanyak RM2.2 bilion** yang diumumkan dalam Belanjawan 2021, maka sudah tiba masanya JKM perlu bergerak satu langkah ke hadapan bagi **memberi nafas baru kepada pengurusan bantuan dengan mengaplikasikan kaedah Transaksi Tanpa Tunai.**

22. Kaedah yang diperkenalkan ini juga selari dengan pelancaran **Inisiatif MyDIGITAL yang telah dilancarkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 20 Februari 2021 yang lalu. Saya juga difahamkan bahawa Negeri Perlis juga telah melancarkan inisiatif “Perlis Go Digital”** selari dengan hasrat dan agenda Kerajaan.

23. Inisiatif ini juga merupakan pelengkap kepada dasar pembangunan negara seperti Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Melalui inisiatif ini, semua agensi kerajaan perlu menjadikan kemudahan transaksi tanpa tunai sebagai pilihan utama menjelang tahun 2022.

24. Projek Rintis Bayaran Bantuan JKM Secara Tanpa Tunai dengan kerjasama strategik Bank Islam Malaysia Berhad akan **dilaksanakan selama 6 bulan dan telah bermula pada 1 Februari 2021 sehingga 31 Julai 2021.** Projek rintis ini hanya melibatkan **tiga (3) buah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah (PKMD) yang terpilih iaitu PKMD Kubang Pasu, PKMD Kota Setar, PKMD Melaka Tengah dan satu (1) buah Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri iaitu JKMN Perlis.**

25. **Terima kasih saya ucapkan kepada Kerajaan Negeri Perlis yang sanggup menyertai projek rintis ini begitu juga dengan Kerajaan Negeri Kedah dan Melaka.**

(I) **KAEDAH PELAKSANAAN CASHLESS**

26. Sebagai projek rintis, Jabatan telah bersetuju hanya **7 Skim Bantuan yang terlibat iaitu Bantuan Kanak-Kanak, Bantuan Warga Emas, Bantuan OKU Tidak Bekerja, Elaun Pekerja Orang Kurang Upaya, Bantuan Penjagaan OKU Terlantar dan Pesakit Kronik Terlantar, Bantuan Anak Pelihara serta Bantuan Latihan Aparantis.**

27. Melalui projek rintis ini, sebanyak **50 peratus** daripada jumlah kadar bantuan yang diluluskan akan dikreditkan ke dalam Kad ATM atau Debit Bank Islam klien manakala **50 peratus** lagi akan dimasukkan ke dalam **Kad *Cashless* JKMPay**. Sebagai permulaan, penerima bantuan akan berbelanja dengan **membeli barang keperluan asas di kedai - kedai yang berdaftar dengan Bank Islam.**

28. Tujuan Kaedah Bayaran Bantuan Bulanan JKM secara tanpa tunai (*cashless*) dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) **Pertama : Menilai tahap kesediaan dan penerimaan** penerima bantuan kebajikan terhadap pelaksanaan *cashless*;
- (ii) **Kedua : Mengenalpasti kesesuaian jenis skim bantuan kebajikan dan lokasi yang sesuai** untuk pelaksanaan bayaran bantuan secara *cashless*; dan
- (iii) **Ketiga : Meninjau penerimaan oleh pemegang taruh, berhubung pelaksanaan program ini.**

29. **Sejak projek ini dilaksanakan bermula bulan Februari 2021 yang lalu, Alhamdulillah saya difahamkan bahawa semua penerima bantuan baharu telah menyambut baik pelaksanaan projek rintis ini .**

30. Sehingga **1 April 2021, seramai 650 penerima bantuan baru** telah menyertai projek rintis ini yang melibatkan seramai 210 orang dari Negeri Perlis, 260 orang dari Negeri Kedah dan 230 orang dari Negeri Melaka.

(J) HARAPAN DAN PENUTUP

31. Perancangan pihak Kementerian dan JKM terhadap pelaksanaan projek rintis ini **tidak akan dihadkan kepada 3 PKMD dan 1 JKMN sahaja.**

InshaAllah berdasarkan **kajian penilaian outcome yang akan dilaksanakan selepas 6 bulan projek rintis serta maklum balas daripada penerima bantuan akan menentukan hala tuju pelaksanaan program ini.**

32. Saya juga difahamkan selepas dua (2) bulan lebih projek rintis ini dilaksanakan, pihak Bank Islam Malaysia Berhad sendiri juga telah menerima banyak panggilan dan permintaan daripada agensi kerajaan yang lain untuk pelaksanaan projek ini di agensi mereka. Syabas dan tahniah BIMB. Mungkin ini adalah keberkatan yang kita perolehi dalam menyantuni masyarakat yang kurang bernasib baik di luar sana.

33. Akhir kalam, **sekali lagi saya mewakili pihak Kementerian dan JKM ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak – pihak yang terlibat khususnya kepada Kerajaan Negeri Perlis, Kedah dan Melaka dalam menjayakan projek rintis ini di negeri masing – masing.** Turut tidak dilupakan juga kepada pihak Bank Islam Malaysia Berhad yang telah memberikan kerjasama yang jitu kepada pihak Kementerian dalam usaha **mengadaptasi Sistem Ekonomi Digital di kalangan klien Jabatan Kebajikan Masyarakat.**

**Ampun Tuanku, Beribu Ampun
Sembah Patik Pohon Diampun.**

34. Demikianlah sembah ucapan patik. Patik sekali lagi merafak sembah menjunjung setinggi – tinggi kasih atas limpah perkenan Duli Yang Teramat Mulia Tuanku berangkat menyempurnakan pelancaran majlis pada hari ini.

35. Sesungguhnya patik dan seluruh tetamu yang hadir memanjatkan doa yang tulus ke hadrat Allah SWT agar Duli Yang Teramat Tuanku dan para kerabat akan terus dikurniakan kekuatan serta kesihatan yang berpanjangan, disamping berada di bawah rahmat Allah SWT sepanjang masa.

Sekian, Wabillahi Taufikwal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Menjunjung Kasih Tuanku.

Ampun Tuanku.

YB DATUK SERI RINA MOHD HARUN

MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

9 APRIL 2021 (JUMAAT)